

30/10/2003

Keberanian, kecekalan PM wajar dicontohi

KEBERANIAN, kecekalan serta kegigihan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam memperjuangkan kedaulatan agama, bangsa dan tanah air berjaya meletakkan Malaysia sebagai contoh yang menjadi ikutan negara lain, kata Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat.

Justeru, katanya, rakyat dan generasi akan datang tentu tidak akan melupakan jasa, pengorbanan serta pandangan jauh Perdana Menteri, sekali gus menjadikan penekanan beliau terhadap kepentingan belajar daripada sejarah supaya tidak mengulangi kesilapan, sebagai pedoman menghadapi cabaran zaman kini.

Selain itu, beliau berkata, Dr Mahathir turut memberi sumbangan besar terhadap profesion keguruan negara, termasuk sentiasa menegaskan kepentingan peranan pendidik dalam menentukan kejayaan negara pada masa depan.

Antaranya, beliau pernah menyatakan bahawa guru memainkan peranan penting dan nadi kepada pendidikan, serta amat diperlukan bagi melahirkan insan seimbang dari semua segi, selain amanatnya pada Hari Guru supaya guru memastikan ilmu dan kemahiran diperoleh sentiasa relevan dengan tuntutan zaman.

Katanya, rakyat akan berasa kehilangan seorang pemimpin agung yang banyak berjasa kepada negara apabila Dr Mahathir memulakan persaraan sebagai Perdana Menteri, esok.

"Saya, mewakili seluruh warga pendidikan, mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan tidak terhingga kepada Datuk Seri atas jasa bakti serta sumbangan khidmat yang diberikan kepada negara.

"Kami berasa amat bertuah mendapat seorang tokoh pemimpin seperti Datuk Seri," katanya dalam teks perutusan khusus disampaikan pada perhimpunan khas sempena persaraan Dr Mahathir yang diadakan serentak di semua institusi bawah Kementerian Pendidikan, bermula jam 9.00 pagi ini. Teks perutusan itu turut difaks ke Berita Harian semalam.

Abdul Rafie berkata, warga pendidikan juga amat terhutang budi kepada Dr Mahathir yang berusaha memartabatkan pendidikan negara bertujuan mempertingkatkan kemudahan pendidikan, ekuiti dan kesamarataan peluang dan kualiti pendidikan serta menyemai etika kerja profesional.

Katanya, ini sejajar dengan matlamat melahirkan generasi berilmu pengetahuan, berketrampilan, bersatu padu dan mempunyai sahsiah diri mulia serta terpuji.

Sementara itu, dalam surat terbuka pelajar sekolah Malaysia kepada Dr Mahathir yang turut disampaikan pada perhimpunan sama, pelajar seluruh negara mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kecemerlangan kepimpinan Perdana Menteri menjadikan Malaysia terkenal di

seluruh dunia.

Mereka menyatakan rasa bertuah kerana Dr Mahathir berjaya menunjukkan contoh cemerlang dan berhasrat gigih berusaha, kuat semangat dan berkeyakinan teguh dalam menempuh cabaran sebagai pelajar, di samping menjadikan segala tunjuk ajar, nasihat serta teladan Perdana Menteri sebagai perangsang dan pendorong.

"Kami akan berusaha bersungguh-sungguh bagi menjadikan perpaduan sebagai asas kemajuan seiring dengan seruan 'Malaysia Boleh!'.

"Kami berikrar taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong dan negara. Kami

berjanji tidak akan mempersia-siakan amanah yang diberikan. Kami akan tetap bersama memelihara serta membangunkan negara tercinta," menurut surat terbuka itu.

Seterusnya, pelajar turut melahirkan kesyukuran atas kesempatan menikmati sumbangan jasa dan khidmat bakti Perdana Menteri yang prihatin terhadap kepentingan pendidikan sehingga membolehkan mereka belajar dengan kemudahan pembelajaran mencukupi dan selesa.

Di samping itu, mereka tidak ketinggalan mendoakan kesejahteraan Dr Mahathir sekeluarga dan mengucapkan tahniah serta mengalu-alukan pelantikan Abdullah sebagai Perdana Menteri baru.